

Bantuan banjir kekal - PM

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

HULU TERENGGANU: Kerajaan bersetuju mengekalkan pemberian bantuan sehingga RM10,000 kepada ketua isi rumah (KIR) yang terjejas banjir di pantai Timur, Khamis lalu.


Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, setiap KIR di negeri ini dan Kelantan yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) layak menerima bantuan RM1,000.

“Apa sahaja kita bagi dulu pada gelombang pertama, maka untuk di Terengganu dan Kelantan kita akan bagi sama juga.

“Maksudnya selain wang ihsan RM1,000, mangsa banjir akan dapat bantuan membeli barangan keperluan rumah dan baiki kediaman; pembelian peralatan elektrik dan baik pulih kenderaan sebagaimana saya umum dulu yang jika dicampurkan mencecah RM10,000,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat 272 mangsa banjir di PPS Kampung Batu 23, di sini semalam.

Terdahulu, Ismail Sabri turut menyampaikan bantuan wang ihsan bernilai RM1,000



ISMAIL Sabri Yaakob diiringi Ahmad Samsuri Mokhtar beramah mesra dengan salah seorang daripada 272 mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara Kampung Batu 23 di Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

kepada 76 KIR di PPS itu.

Perdana Menteri yang diiringi Menteri Besar, Datuk Seri

Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar tiba kira-kira pukul 2.15 petang dan meluangkan masa hampir

30 minit beramah mesra dengan penghuni PPS Kampung Batu 23 itu.